

TPPA: Tindakan lanjut selepas 20 Januari 2017

➔ Ketua perunding bakal bertemu cari jalan penyelesaian

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

Malaysia akan mengambil tindakan seterusnya hanya apabila menerima pengesahan rasmi bahawa Amerika Syarikat (AS) tidak akan menyer-tai Perjanjian Perkongsian

Trans Pasifik (TPPA).

Menteri Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata Malaysia akan menunggu kejelasan lebih lanjut daripada pentadbiran AS apabila presiden baharu mengambil alih jawatan pada 20 Januari 2017.

Katanya, keputusan itu diambil meskipun hakikatnya dalam kenyataan terbaharu pada 21 November lalu, Presiden AS yang baru dilantik Donald Trump menyatakan antara tugas pertamanya sebagai presiden adalah menarik keluar AS daripada TPPA.

“Sebaik saja kita mendapat kejelasan daripada Pentadbiran baharu AS selepas 20 Januari

2017, ketua perunding mungkin akan bertemu untuk menimbangkan pilihan dan jalan penyelesaian,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Pinda undang-undang

Sementara itu, Mustapa berkata, Malaysia akan meneruskan usahanya meminda undang-undang relevan kerana perubahan kepada sesetengah undang-undang ini bukan hanya bagi mematuhi TPPA, tetapi adalah hasil daripada kajian semula domestik berterusan.

Katanya, ia bertujuan mengukuhkan dan mengemas kini beberapa undang-undang bagi memudahkan perdagangan dan memenuhi obligasi antarabangsa.

“Keputusan akhir berhubung cadangan pindaan itu bagaimanapun akan dibuat oleh Kabinet,” katanya.

Beliau berkata, semua 12 pemimpin negara TPPA bertemu di Lima, Peru, pada 19 November lalu bagi melihat perkembangan terkini proses domestik mereka masing-masing ke arah ratifikasi.

“Semua anggota TPPA, kecuali AS, sedang berada di pelbagai tahap mendapatkan kelulusan perundangan domestik masing-masing.

“New Zealand sudah menyelesaikan proses Parlimennya, Dewan Rakyat Jepun sudah meluluskan TPPA yang kini akan mendapatkan kelulusan Dewan Negara Parlimen Jepun,” katanya.

BH. 25/11